

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
[PADANG TERAP]**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah pendirian kerajaan terhadap tawaran pembelian kepentingan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) di dalam pengendali jalan tol di Indonesia sebanyak AS\$500 juta (RM2.081 bilion).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan atau pelupusan aset komersial adalah aktiviti perniagaan yang lazim dilakukan oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), termasuk Khazanah Nasional Bhd (Khazanah).
2. Berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, pelupusan aset milik Khazanah yang dimaksudkan tersebut adalah oleh PLUS Expressway International Berhad (PEIB), sebuah anak syarikat milik penuh UEM Group Berhad dalam PT Lintas Marga Sedaya (PT LMS) iaitu pemegang konsesi bagi Lebuh raya bertol Cikopo-Palimanan (Cipali) adalah satu urus niaga komersial oleh UEM Group setelah mengambil kira manfaat dari aspek strategik dan komersil.
3. Setelah penglibatan selama 12 tahun dalam projek Lebuh Raya Bertol Cipali, UEM Group telah berjaya memenuhi objektif strategik dan komersial bagi pelaburan di dalam PT LMS. Antara objektif strategik yang telah berjaya dipenuhi adalah:

**NO. SOALAN : 204**

- i. Projek ini telah melonjakkan nama UEM Group dan keupayaan syarikat pembinaan Malaysia di Indonesia memandangkan ia adalah projek pembinaan infrastruktur yang terbesar diusahakan secara bersama oleh syarikat dari kedua-dua negara;
- ii. UEM Group telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai syarikat tempatan Indonesia yang melibatkan pemindahan teknologi dan pengetahuan, penyediaan peluang-peluang pekerjaan dan latihan, membuka ruang bagi syarikat-syarikat Indonesia untuk menjadi sebahagian dari rantaian perbekalan disamping pelbagai lagi limpahan ekonomi yang lain; dan
- iii. Membuka pintu kepada anak-anak syarikat UEM Group yang lain untuk menerokai peluang perniagaan di Indonesia. Ini seperti UEM Edgenta yang telah membuka pejabat serantau di Jakarta pada Julai 2019 dan pada masa ini sedang aktif meneroka peluang-peluang perniagaan di sana dalam bidang pengurusan projek, penyelenggaraan jalan raya, penjagaan kesihatan dan pengurusan aset serta fasiliti.

Sekian, terima kasih.